

# **GARIS PANDUAN FASA AWAL ENDEMIK**

## **BAGI PASAR DAN GERAI TERBUKA**

Dokumen ini menyediakan langkah-langkah bagi operasi pasar dan gerai terbuka semasa Fasa Awal Endemik dalam Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 Kebangsaan.

### **Langkah-Langkah Kawalan COVID-19 pada Fasa Endemik**

- **Penggunaan Aplikasi *BruHealth*:**
  - Semua premis mesti mendaftar untuk mendapatkan Kod QR *BruHealth*.
  - Pemilik premis hendaklah memastikan semua individu yang memasuki premis telah mengimbas Aplikasi *BruHealth* sebaik sahaja memasuki premis berkenaan (termasuk semua pekerja / kakitangan / sukarelawan).
  - Pemilik premis memastikan hanya individu yang mempunyai Kod *BruHealth* Hijau dan Kuning dibenarkan masuk. Kad pengenalan hendaklah diperiksa sebagai pengesahan.
- **Vaksin Lengkap:**
  - Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja/kakitangan/sukarelawan yang layak diberi vaksin (tiada kontraindikasi perubatan) telah divaksin sepenuhnya.
- **Pemakaian Sungup Muka:**
  - Semua individu yang berumur 2 tahun atau lebih, hendaklah memakai penutup hidung dan mulut anda di tempat awam tertutup, di dalam pengangkutan awam, dalam persekitaran luar yang sesak, dan untuk aktiviti dengan hubungan rapat dengan orang lain yang tidak diberi vaksin penuh
  - Sungup Muka boleh ditanggalkan apabila:
    - Berada di dalam bilik hotel atau penginapan dengan ahli isi rumah;
    - Berada di dalam ruang kerja individu tertutup;
    - Melakukan aktiviti lasak semasa bersukan dan aktiviti rekreasi;
    - Berada di dalam kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah;
    - Berada di satu kawasan atau tempat awam (luar dan dalam) tanpa mana-mana individu lain; dan
    - Makan dan minum di tempat awam tanpa ada individu lain (selain di restoran atau premis makanan).
- **Kebersihan tangan dan etika batuk dan bersin:**
  - Jika individu berada di tempat awam, atau selepas menghembus hidung, batuk, atau bersin, mereka dinasihatkan untuk kerap mencuci tangan dengan sabun dan air, tetapi jika tidak ada tersedia, gunakan pembersih tangan yang mengandungi sekurang-kurangnya 60% alkohol. Tutup semua permukaan tangan dan gosokannya sehingga kering.
- **Penjarakan Sosial:**
  - Langkah-langkah menjauhkan fizikal yang telah ditetapkan: sekurang-kurangnya 1.5m antara individu jika boleh.
- **Pengudaraan Premis:**
  - Pemilik premis dalaman memastikan premis mempunyai pengudaraan yang mencukupi.

- **Pemantauan Kesihatan Diri dan ujian ART:**
  - Individu dinasihatkan untuk memantau kesihatan setiap hari untuk simptom.
  - Individu yang diberi vaksin disyorkan untuk menjalani ujian ART sebagai rutin setiap 2 minggu sekali. Dan ujian hendaklah dijalankan di rumah kediaman masing-masing sebelum memasuki atau menghadiri perhimpunan di premis berkenaan.

#### **Individu yang divaksin sepenuhnya**

Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin penuh jika dia telah menerima rejimen vaksin yang di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan WHO (WHO EUL) atau vaksin yang diluluskan BDMCA. Status vaksinasi dalam buku BruHealth, Sijil Vaksinasi Antarabangsa atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) individu atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima boleh ditunjukkan kepada pengurusan premis atau penganjur acara sebagai bukti vaksinasi.

#### **Bukti ART yang negatif**

Keputusan negatif bagi ujian ART hendaklah dipamerkan sebagai bukti sebelum memasuki awam samada oleh individu yang tidak divaksin atau belum bervaksin secara penuh. Bukti ini mestilah dalam bentuk ART yang dijalankan dibawah pemerhatian pihak berkuasa di Kementerian Kesihatan atau pemilik tempat perkumpulan ramai berkenaan atau boleh juga dalam bentuk sijil yang dikeluarkan oleh tapak ART Terselia yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan. Sijil ini akan dikeluarkan dengan tempoh sah lalut selama dua (2) hari. Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun, apabila bersama dengan orang dewasa yang mempunyai vaksin penuh akan diberikan pengecualian yang sama seperti mana yang dikenakan kepada individu-individu yang mempunyai vaksin secara penuh semasa fasa endemik sahaja.

### **LANGKAH-LANGKAH BAGI PASAR DAN GERAI TERBUKA**

Langkah-langkah pengemaskinian operasi pasar dan gerai terbuka hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

<b>Pemilik/Pekerja</b>	<b>Pelanggan</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hanya pekerja yang telah melengkapkan <b>dua (2) dos vaksin</b> dan mempunyai kod warna BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> dibenarkan bekerja.</li> <li>• Pihak majikan adalah <b>digalakkan</b> untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja seperti mana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Antigen Rapid Test (ART) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Hanya individu yang mempunyai kod warna yang betul iaitu <b>HIJAU</b> atau <b>KUNING</b> akan dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Individu yang sudah divaksinasi dan individu yang belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun) adalah dibenarkan masuk dengan memastikan adanya langkah-langkah penjarakan sosial.</li> </ul>

<b>Pemilik/Pekerja</b>	<b>Pelanggan</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> <li>● Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>● Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>● Menghadkan jumlah pengunjung yang dibenarkan untuk masuk dalam satu-satu masa kepada <b>75% dari jumlah kapasiti biasa ATAU tidak melebihi 300 orang (yang mana lebih rendah)</b>. Jumlah 75% kapasiti tidak termasuk pekerja dalam premis.</li> <li>● Membuat pemeriksaan suhu badan di tempat masuk premis dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>● Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan sanitasi premis.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dimestikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>● Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>● Mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>